

SEASON THREE: THE LAND

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p>EPISOD 28:</p> <p>NABI AYYUB A.S.</p> <p>BAGINDA DIKATAKAN SEORANG BERKETURUNAN ARAB. MENURUT IBN ISHAQ NAMANYA ADALAH AYYUB BIN MOS BIN ZARAH BIN `AISU BIN ISHAQ BIN IBRAHIM. IBN ASAKIR PULA MENERANGKAN BAHAWA IBUNYA ADALAH ANAK KEPADA NABI LUT A.S. DIKATAKAN JUGA BELIAU ADALAH NABI DARI KALANGAN UMAT YANG DATANG SETELAH NABI YUSUF A.S. YANG MANA MEREKA TELAHPUN LUPA AKAN KISAH YUSUF DAN TERSIMPANG JAUH DARI MENYEMBAH ALLAH</p>	<p>- BRONZE AGE -</p>

<p>TUHAN YANG ESA.</p>	
<p>CERITA TENTANG PENDERITAAN BAGINDA MENGHADAPI PENYAKIT DAN KESABARAN BELIAU MENGHADAPINYA DENGAN TEGUH KEIMANAN KEPADA TUHAN ADALAH SEJAJAR DALAM KITAB-KITAB SAMAWI.</p>	

<p>AL-QURAN MENERANGKAN DALAM AYAT SURAH AL-NISA BAHAWA ALLAH MENURUNKAN WAHYU KEPADA BEBERAPA NABI TERDAHULU DARI MUHAMMAD (SAW) DAN DI ANTARA MEREKA ITU ADALAH AYYUB AS.</p>	<p>Q.4:16</p>
<p>IBN KATHIR DALAM KITAB SEJARAH PARA ANBIYA'NYA MENERANGKAN BAHAWA NABI AYYUB A.S. MERUPAKAN SEORANG YANG AMAT KAYA PADA ZAMANNYA. BAGINDA DIKURNIAKAN KEKAYAAN HARTA BENDA TERNAKAN, HAMBА-HAMBА SAHAYA SERTA ANAK-ANAK YANG RAMAI.</p>	
<p>KISAH YANG LANJUT DICERITAKAN DALAM KITAB AYYUB (THE BOOK</p>	

OF JOB) YANG MENERANGKAN TENTANG KEKAYAANNYA AYYUB DAN KEPERIBADIANNYA YANG MENSYUKURI NIKMAT TUHANNYA. MAKA UJIAN TUHAN KE ATASNYA ADALAH PENGUKUR KEIMANANNYA. DALAM SEKELIP MATA, SEGALA HARTA BENDA DAN ANAK-ANAKNYA HILANG OLEH BENCANA YANG DITURUNKAN TUHAN KEPADANYA. AYYUB DIKATAKAN TETAP TEGUH IMANNYA DAN BERSABAR DI ATAS UJIAN-UJIAN TERSEBUT. SELANJUTNYA BAGINDA DIUJI DENGAN SUATU PENYAKIT PADA TUBUH BADANNYA YANG MENGAKIBATKAN MANUSIA MENJAUHINYA TERMASUK PARA ISTERINYA. HANYA

<p>SEORANG SAHAJA DARIPADA ISTERINYA YANG MENEMANINYA DALAM KESUSAHANNYA BAGINDA SEHINGGALAH DATANG TAKDIR TUHAN MENGANGKAT SEGALA BALA UJIAN DARIPADANYA.</p>	
<p>AL-QURAN MENCERITAKAN TENTANG KESABARAN AYYUB MENGHADAPAI PENYAKIT BAGINDA DAN BAGAIMANA SELEPAS TEMPOH UJIAN ITU BELIAU DIKURNIAKAN PENYEMBUH DARI PENYAKIT YANG DIHIDAPI DAN DIGANDAKAN NIKMAT HARTA BENDA KE DIRINYA ATASNYA.</p>	<p>Q.21:83-84 Q.38:43-44</p>
<p>DARI KACA MATA TAURAT NABI AYUB BERBANGSA ARAB, DI DALAM TAURAT KISAH AYUB INI DIKENALI</p>	

SEBAGAI `SAFAR AYUB.
TAURAT MENYEBUT
BELIAU BERASAL DARI
BUMI عوص (UZ) DI TIMUR
PALESTIN DARI KABILAH
BANI KEDEM. DI DALAM
SAFAR AYUB BANYAK
MENCERITAKAN
TENTANG PEPERANGAN DI
ANTARA KAUM-KAUM DI
ANTARANYA
PEPERANGAN BANGSA
KILDAN TERHADAP
BANGSA EBLA DAN
PEPERANGAN
MENENTANG AHLI SABA`.
DI DALAM SAFAR AYUB
JUGA ADA
MENERANGKAN TENTANG
JUMLAH TERNAKKAN
NABI AYUB YANG CUKUP
BANYAK. BEGITU JUGA
DENGAN HAMBA ABDI
YANG RAMAI DAN KEBUN
YANG SUBUR DAN LUAS.
BOLEH DIKATAKAN
KEKAYAANNYA
MENGATASI ORANG LAIN

YANG ADA DI ZAMANNYA.
BEBERAPA AHLI SEJARAH
MENGAKUI BAHAWA
SAFAR AYUB TELAH
MEMBUKTIKAN BAHAWA
NABI AYUB INI
BERBANGSA ARAB
SEBAGAIMANA DIAKUI
OLEH SEORANG ULAMA
YAHUDI IBN EZRA PADA
KURUN YANG KE 12.
KEMUDIANNYA
PANDANGAN INI MENJADI
MASHUR DAN MENJADI
IKUTAN ULAMA-ULAMA
SELEPASNYA YANG
PERCAYA TERDAPAT
KESAN-KESAN ARABIYAH
PADA NABI AYUB A.S.
SEHINGGA ADA YANG
BERPENDAPAT BAHAWA
SAFAR AYUB INI BERASAL
DARI TERJEMAHAN DARI
BAHASA ARAB
(MONTGOMERY P. 172,
MARGOLIOUTH, THE
RELATION, P.30)
